

KTPK 18/4/2.01 Jld.4(1)



Ibu Pejabat

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

Jalan Semarak

50578 Kuala Lumpur

20 Januari, 1992

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.1 TAHUN 1992
Tuntutan Elaun Perjalanan Rasmi Bagi Pasukan Ukur

1. Tujuan

Pekeliling ini adalah bertujuan memperkemaskan pentadbiran Pejabat Ukur Daerah mengenai tuntutan perjalanan bagi Pegawai Kerjaluar dan pekerja-pekerja ukur untuk kerja-kerja pengukuran atau tugas-tugas rasmi lain yang bersangkutan dengannya.

2. Latarbelakang

- 2.1 Konsep pengkalan ukur yang diperkenalkan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 3/83 bertujuan mengelakkan Pegawai Kerjaluar dan pekerja ukur daripada membuat perjalanan ke tempat kerja yang jauh yang boleh menimbulkan :
 - i) pembaziran masa;
 - ii) keletihan;
 - iii) penjejasan kecekapan;
 - iv) risiko kemalangan jalanraya; dan
 - v) perbelanjaan yang besar.
- 2.2 Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 3/83 dan surat KKTKW(U) 18/3/8.01(12) bertarikh 18 Februari 1984 dikuatkuasakan berikutan langkah berjimat cermat pihak kerajaan dalam melawan arus kemelesetan ekonomi.
- 2.3 Memandangkan keadaan ekonomi negara telah pulih dan kewangan Negara yang kukuh maka adalah wajar bagi Jabatan mengulangkaji Pekeliling dan

arahan berkenaan, sesuai dengan keadaan semasa, sejajar dengan hasrat untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

3. Tuntutan Elaun Perjalanan

3.1 Kawalan dan Pengawasan Perbelanjaan

Adalah menjadi tanggungjawab Pengarah Ukur Negeri untuk mengawal dan mengawasi perbelanjaan dalam Jabatannya. Setiap perbelanjaan hendaklah dipastikan penting dan munasabah serta peruntukan kewangan adalah mencukupi.

3.2 Pengkalan Ukur

Konsep pengkalan ukur hendaklah dikekalkan bagi kerja-kerja ukur yang jauh dari Pejabat Ukur Daerah sebagai Ibu Pejabat untuk mengelakkan masa perjalanan pegawai dan pekerja ke tempat kerja yang panjang dan meletihkan serta risiko kemalangan jalanraya. Pengkalan Ukur hendaklah dibentuk di mana sesuai jika lokasi tempat kerja adalah di luar kawasan Ibu Pejabat dan hendaklah tidak melebihi 15 km dari tempat kerja. Takrif " Ibu Pejabat " hendaklah mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/80.

3.3 Tuntutan Perjalanan

Semua Pegawai dan pekerja ukur yang tidak disediakan kenderaan Jabatan untuk berulang-alik ke tempat kerja perlu membuat perjalanan sendiri untuk menjalankan tugasnya. Bagi menampung kos perjalanan rasmi ini mereka layak membuat tuntutan elaun perjalanan mengikut kelayakan masing-masing.

Bagi pemakaian Pekeliling ini, perjalanan-perjalanan rasmi yang dibolehkan dibuat tuntutan elaun perjalanan adalah seperti berikut:

- 3.3.1 Perjalanan pergi-balik dari pejabat atau rumah, yang mana terdekat, ke tempat kerja di kawasan yang tidak memerlukan pengkalan ukur, tidak melebihi 30 km sehari.
- 3.3.2 Perjalanan pergi-balik dari pengkalan ukur ke tempat kerja yang tidak melebihi 30 km sehari.
- 3.3.3 Perjalanan perpindahan pengkalan ukur.
- 3.3.4 Perjalanan pergi-balik dari tempat kerja atau pengkalan ukur ke Ibu Pejabat atas urusan rasmi yang diarahkan atau dibenarkan oleh Juruukur Daerah.
- 3.3.5 Perjalanan pergi-balik bagi Pegawai Kerjaluar dari Ibu Pejabat atau rumah, yang mana terdekat atau pengkalan ukur ke tempat kerja yang khusus atau penting yang mendesak bagi tempoh tidak melebihi 5

hari.

- 3.3.6 Perjalanan pergi-balik dari tempat kerja, pengkalan ukur, rumah atau Ibu Pejabat ke Pejabat Tanah bagi urusan rasmi dengan arahan atau kebenaran Juruukur Daerah.
- 3.3.7 Perjalanan pergi-balik dari pengkalan ukur ke Ibu Pejabat pada akhir bulan untuk tugas-tugas seperti menguji peralatan ukur dan lain-lain tugas pejabat.
- 3.3.8 Perjalanan pergi-balik hujung minggu pertengahan bulan dari pengkalan ukur ke rumah selepas waktu kerja.
- 3.3.9 Lain-lain urusan rasmi yang dibenarkan oleh Juruukur Daerah.

3.4 **Had Maksimum Tuntutan Perjalanan Harian**

Adalah diputuskan had maksimum jumlah perjalanan rasmi harian daripada rumah, pejabat atau pengkalan ukur ke tempat kerja seperti di perenggan 3.3.1 dan 3.3.2 bagi pegawai dan pekerja ukur hendaklah tidak melebihi 600 (enam ratus) km sahaja sebulan, ini tidak termasuk tuntutan perjalanan rasmi yang lain.

3.5 **Kenderaan Jabatan**

Bagi tujuan perjalanan di perenggan 3.3.5 Juruukur Daerah hendaklah seboleh-bolehnya menyediakan kenderaan Jabatan kepada pasukan ukur berkenaan.

4. **Peraturan-Peraturan Yang Berkuatkuasa**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling KPUP Bil. 3/83 dan arahan dalam surat KKTKW (11) 18/3/8.01/(12) adalah dibatalkan.

5. **Tarikh Berkuatkuasa**

Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa pada 1 Januari, 1992.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Edaran:

Semua Pengarah Ukur/Ketua Seksyen

Salinan kepada :

Setiusaha Bahagian,

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan,

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Pemetaan

Pengarah Ukur Kadaster

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadaster

Timbalan Pengarah Ukur Kadaster (Unit Khas)